

MAHATHIR - BERNAMA

(1)

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 0001 ESOK)

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MUHAMMAD MENGGESA JEPUN AGAR LEBIH TERBUKA DALAM MENERIMA BARANGAN DARI MALAYSIA SUPAYA CORAK HUBUNGAN EKONOMI ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA DAPAT DIPERBAIKI LAGI.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN MALAYSIA TELAH MEMPEROLEHI DAN MEMPELAJARI BANYAK PERKARA DARIPADA JEPUN, TETAPI MASIH BANYAK LAGI YANG PERLU DILAKUKAN UNTUK MENGURANGKAN KETIDAKSEIMBANGAN DAN CIRI-CIRI TIDAK SIHAT DALAM PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

BELIAU MENEGASKAN DEMIKIAN DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA PELANCARAN PERKHIDMATAN BERITA KHAS, JAPAN SERVICE, OLEH BERNAMA ESOK YANG BERKEBETULAN DENGAN HARI KEBANGSAAN.

PERKHIDMATAN JEPUN IALAH PERKHIDMATAN BULETIN YANG KHUSUS DITUJUKAN KEPADA PARA USAHAWAN JEPUN YANG BERMINAT DENGAN PELUANG-PELUANG PERDAGANGAN DAN PELABURAN DI MALAYSIA DAN RANTAU ASEAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYIFATKAN PELANCARAN PERKHIDMATAN ITU SEBAGAI TEPAT PADA WAKTUNYA MEMANDANGKAN IA DAPAT MENYEDIAKAN BERITA-BERITA MENGENAI EKONOMI DAN SERANTAU KEPADA MASYARAKAT PERNIAGAAN DI JEPUN.

BELIAU BERHARAP PERKHIDMATAN ITU AKAN MEMBANTU PENIAGA-PENIAGA JEPUN AGAR LEBIH BERPENGETAHUAN TENTANG IKLIM DAN PROGRAM-PROGRAM EKONOMI MALAYSIA. -- LAGI

1813MST 30 08 85

MAHATHIR - BERNAMA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKHIDMATAN ITU AKAN MEMBANTU PASA AHLI PERNIAGAAN JEPUN MEHAINKAN PERANAN YANG LEBIH BERKESAN DALAM MENGSAKALKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN DAN EKONOMI YANG LEBIH BAIK ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

KATANYA HUBUNGAN PERDAGANGAN ANTARA MALAYSIA DAN JEPUN MEMANG TELAH SENTIAN LAMA TERJALIN, MALAHAN PASARAN NEGARA ITU MERUPAKAN ANTARA YANG UTAMA BAGI HACIL KELUARAN MALAYSIA.

BAGAIMANAPUN KEBUDUKAN MALAYSIA BERAGAI PASARAN PENTING UNTUK BARANGAN DAN KELUARAN JEPUN TELAH MENJADI USANG KERANA SEPERTI JUGA JEPUN, MALAYSIA KINI MEMERLUKAN PASARAN UNTUK BARANG-BARANG ENATANNYA.

MALAYSIA INGIN MENCARI PASARAN UNTUK BARANGANNYA MEMANDANGKAN NEGARA INI JUGA MEHAIKUN PERLAGAI INDUSTRI UNTUK MENGELUARKAN LEBIH BANYAK BARANG NILAI TAMBAH.

MEMURUTNYA MATLAMAT EKONOMI MALAYSIA SEKARANG TIDAK BERLAINAN DENGAN MATLAMAT JEPUN SENDIRI DALAM TAHUN-TAHUN ENAM PULUHAN, IAITU PERTUMBUHAN PESAT MENERUSI DAYA PENGELUARAN YANG TINGGI, PENGELUARAN PERUSAHAAN YANG BERTAMBAH DAN PENINGKATAN EKSPORT. -- LAGI

1535MST 30 08 85

MAHATHIR - BERNAMA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JEPUN IALAH PELABUR ASING YANG UTAMA DI MALAYSIA DAN SEJAK AKHIR-AKHIR INI HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA TELAH BERTAMBAH ERAT DALAM BIDANG KERJASAMA PERDAGANGAN, PELABURAN, EKONOMI DAN TEKNIKAL.

HUBUNGAN ITU ADALAH HASIL DARIPADA KEHENDAK DAN SEMANGAT TEGAS KEDUA-DUA NEGARA UNTUK BEKERJASAMA LEBIH ERAT BAGI KEPENTINGAN BERSAMA, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JEPUN ENCIK YASUHIRO NAKASONE DALAM PERUTUSANNYA PULA MEMBERI PENGHORMATAN TINGGI KEPADA MALAYSIA YANG, MENURUTNYA, SEJAK DI BAWAH PIMPINAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENCAPAI KEHAJUAN YANG CEMERLANG DALAM PERBAGAI-BAGAI BIDANG.

ENCIK NAKASONE BERKATA BELIAU BERPELUANG UNTUK MENGERATKAN HUBUNGAN DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMASA PERDANA MENTERI MALAYSIA ITU MELAWAT JEPUN DALAM JANUARI 1983 DAN KETIKA BELIAU SENDIRI MEMBALAS KUNJUNGAN KE MALAYSIA EMPAT BULAN KEMUDIAN.

DALAM MENYAMPAIKAN UCAPAN TAHNIAHNYA SEMPENA PERAYAAN 28 TAHUN KEMERDEKAAN NEGARA INI, PERDANA MENTERI JEPUN ITU BERKATA HUBUNGAN ANTARA JEPUN DAN MALAYSIA SEDANG MENJALANI HUBUNGAN YANG KIAN MENINGKAT DAN MENUJU +PUNCAK BARU+ DENGAN PERLAKSANAAN DASAR PANDANG KE TIMUR OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI

D759

U 8884 AAB

MAHATHIR - BERNAMA 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

ENCIK NAKASONE BERKATA KEDUA-DUA NEGARA TELAH MENINGKATKAN HUBUNGAN DALAM BIDANG PERDAGANGAN, PELABURAN, EKONOMI DAN TEKNIKAL SEJAK BEBERAPA TAHUN LALU. BELIAU BERHARAP HUBUNGAN ITU AKAN DIPERTEGUHKAN.

BELIAU MENAMBAH KATA JEPUN TELAH MENGHULURKAN SEDAYA UPAYA SOKONGAN KEPADA USAHA-USAHA BERDIKARI MALAYSIA DALAM MEMAJUKAN EKONOMI DAN SOSIALNYA.

ENCIK NAKASONE JUGA BERKATA SEJAK 1982 JEPUN TELAH MELATIH LEBIH DARIPADA 1,000 ORANG BELIA MALAYSIA DI JEPUN DI BAWAH PROGRAM LATIHAN TEKNIKAL PERINDUSTRIAN UNTUK MENJAYAKAN DASAR PANDANG KE TIMUR.

+PENINGKATAN KERJASAMA BERBAIK-BAIK ANTARA JEPUN DAN ASEAN MERUPAKAN MATLAMAT PENTING DALAM DASAR LUAR JEPUN,+ TEGASNYA.

BELIAU TELAH JUGA MENGUTUS BEKAS PERDANA MENTERI ENCIK ZENKO SUZUKI SEBAGAI WAKILNYA KE PERAYAAN HARI KEBANGSAAN DI MELAKA ESOK.

-- LAGI

1614MST 30 08 85

MAHATHIR - BERNAMA 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PRESIDEN PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA-JEPUN (MAJECA) RAJA TAN SRI MOHAR RAJA BADIOZAMAN DALAM PERUTUSANNYA BERKATA MENERUSI USAHASAMA MAJECA DAN RAKANNYA, PERSATUAN EKONOMI JEPUN-MALAYSIA (JAMECA), KERJASAMA ANTARA SEKTOR SWASTA KEDUA-DUA NEGARA TELAH BERTAMBAH ERAT.

KATANYA DENGAN BANTUAN YANG BERTERUSAN DARI JAMECA, MAJECA BERHASRAT UNTUK MENINGKAT DAN MELUASKAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DAN PENYERTAAN YANG LEBIH BESAR OLEH USAHAWAN-USAHAWAN JEPUN BERDASARKAN KEPADA RAKANKONGSI YANG TULEN DAN MENGUNTUNGAN DENGAN RAKANSEJAWAT MEREKA DI SINI.

PENGURUS BESAR BERNAMA ENCIK AHMAD MUSTAPHA HASSAN DALAM SURATNYA KEPADA KIRA-KIRA 400 GEDUNG PERNIAGAAN UTAMA DI JEPUN MENJELASKAN BAHAWA +JAPAN SERVICE+ MEMUATKAN BERITA-BERITA DAN MAKLUMAT KHUSUS UNTUK SYARIKAT-SYARIKAT JEPUN YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA DAN ASEAN.

IA AKAN MENINGKATKAN PELUANG BAGI MEREKA YANG MEMPUNYAI URUSAN PERDAGANGAN, PELABURAN DAN KEWANGAN DI RANTAU INI, KATANYA.

PERKHIDMATAN INI MEMPUNYAI WAKIL PEMASARAN DI TOKYO DAN IA DISALURKAN KE IBU NEGARA JEPUN ITU SETIAP HARI MENERUSI LITAR YANG DISEWA. -- BERNAMA

1635MST 30 08 85